KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

# Pendidikan Kesenian Tahun 2

SEKOLAH KEBANGSAAN

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH
KSSR
SEMAKAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

# RUKUN NEGARA

**Bahawasanya Negara Kita Malaysia**
mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan
seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap
tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia,
berikrar akan menumpukan
seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut
berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN**
**KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**
**KELUHURAN PERLEMBAGAAN**
**KEDAULATAN UNDANG-UNDANG**
**KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

**(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)**

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

# PENDIDIKAN KESENIAN

## TAHUN 2

## SEKOLAH KEBANGSAAN

Penulis
Azhar bin Aziz
Linawati@Lina binti Adiman
Aida Rohayu binti Mohamed Nazeri
Mohamad Hazzim bin Suahimi

Editor
Ana Suhana binti Zainuddin
Ku Nurul Hidayah binti Ku Abdul Rahman

Pereka Bentuk
Mohd Ashrul bin Zainal Alam

Ilustrator
Meor Kamarudin bin Meor Ismail

DBP
Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2017

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0137

KK 372-221-0102011-49-1613-20101
ISBN 978-983-49-1613-8

Cetakan Pertama 2017
© Kementerian Pendidikan Malaysia 2017

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk
Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.
No. Telefon: 03-21479000 (8 talian)
No. Faksimile: 03-21479643
Laman Web: http://www.dbp.gov.my

Reka Letak dan Atur Huruf:
Dewan Bahasa dan Pustaka

Muka Taip Teks: Azim
Saiz Muka Taip Teks: 18 poin

Dicetak oleh:
Ultimate Print Sdn. Bhd.,
Lot 2, Jalan Sepana 15/3,
Off Persiaran Selangor, Seksyen 15,
40200 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

## PENGHARGAAN

Penerbitan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat:

- Jawatankuasa Penambahbaikan Pruf Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Pembetulan Pruf Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai-pegawai Bahagian Buku Teks dan Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Panel Pembaca Luar, Dewan Bahasa dan Pustaka.

# KANDUNGAN


| | | |
|---|---|---|
| Pendahuluan | | iv-v |
| Pengenalan Ikon | | vi |
| Alat dan Bahan | | 1 |
| Bahasa Seni Visual | | 2-3 |
| **Projek Kesenian Penggal Satu** | | **4-5** |
| Unit 1 | Kami Suka Sayur | 6-13 |
| Unit 2 | Bersih Pasti Cantik | 14-21 |
| Unit 3 | Saya Juara | 22-29 |
| Unit 4 | Pusing Gasing Pusing | 30-37 |
| Unit 5 | Bersukan Badan Sihat | 38-45 |
| **Projek Kesenian Penggal Dua** | | **46-47** |
| Unit 6 | Cantik Menawan | 48-55 |
| Unit 7 | Burung Kenek-kenek | 56-63 |
| Unit 8 | Uli-uli Tembikar | 64-73 |
| Unit 9 | Jalan-jalan ke Taman Rama-rama | 74-83 |
| Unit 10 | Segarnya Air Terjun | 84-96 |
| Glosari Seni Visual | | 97 |
| Glosari Seni Muzik | | 98 |

# PENDAHULUAN

Buku Teks *Pendidikan Kesenian Tahun 2 Sekolah Kebangsaan (SK)* disediakan berpandukan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Kesenian Tahun 2, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Semakan. Kandungan buku teks ini dibina untuk mencapai matlamat dan objektif pendidikan kesenian bagi melahirkan murid yang berpengetahuan, berketerampilan dan berkemahiran dalam bidang seni visual dan seni muzik.

Penulisan dalam buku teks ini lebih menerapkan unsur kecerdasan pelbagai, pemikiran kritikal dan pengetahuan sedia ada bagi membantu murid untuk melakukan aktiviti individu mahupun berkumpulan. Pelaksanaan konsep kesenian bagi mata pelajaran *Pendidikan Kesenian Tahun 2 (SK)* adalah berdasarkan empat modul utama kurikulum, iaitu:

- Modul Bahasa Seni
- Modul Kemahiran Seni
- Modul Kreativiti dan Inovasi Seni
- Modul Apresiasi Seni

Kandungan buku teks ini dibahagikan kepada dua tema. Setiap tema mengandungi lima unit pembelajaran. Rancangan pembelajaran adalah untuk tempoh 60 minit bagi bidang seni visual dan 30 minit bagi bidang seni muzik. Kedua-dua bidang ini diterapkan seiring dalam setiap unit, iaitu dari segi penyediaan bahan dan penggunaannya. Kesemua aktiviti dalam buku teks ini bertujuan membolehkan murid:

- mengetahui dan memahami bahasa seni
- menguasai kemahiran asas
- mengaplikasikan kemahiran asas
- menghasilkan karya seni

Setiap halaman dalam buku teks ini dilengkapkan dengan gambar dan ilustrasi bagi memantapkan kefahaman murid terhadap sesuatu konsep yang diberikan. Bahan dan cadangan dalam buku teks ini boleh dijadikan sebagai panduan dan dilaksanakan mengikut kreativiti guru. Yang berikut adalah susunan tajuk unit mengikut tema:

## Projek Kesenian Penggal Satu

(i) Unit 1 – Kami Suka Sayur
(ii) Unit 2 – Bersih Pasti Cantik
(iii) Unit 3 – Saya Juara
(iv) Unit 4 – Pusing Gasing Pusing
(v) Unit 5 – Bersukan Badan Sihat
**Tema Persembahan: Aku Sihat**

## Projek Kesenian Penggal Dua

(vi) Unit 6 – Cantik Menawan
(vii) Unit 7 – Burung Kenek-kenek
(viii) Unit 8 – Uli-uli Tembikar
(ix) Unit 9 – Jalan-jalan ke Taman Rama-rama
(x) Unit 10 – Segarnya Air Terjun
**Tema Persembahan: Mari Melancong**

Selain itu, buku teks ini dibekalkan DVD audio yang memuatkan lagu dengan vokal, instrumental, minus one, latihan pic dan latihan alat perkusi. Terdapat juga video dan skor bagi lagu-lagu utama dalam bentuk *QR Code* yang boleh diimbas melalui telefon pintar. Bahan audio dan video ini dapat membantu murid mencapai objektif pembelajaran dengan lebih baik lagi.

Semoga segala usaha murni daripada pelbagai pihak dalam penerbitan buku teks ini dapat membantu guru dan murid bagi menjayakan matlamat dan objektif Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

# PENGENALAN IKON

Tajuk unit




Lagu dan latihan yang disediakan dalam DVD audio bagi membantu guru dan murid menjalankan aktiviti muzikal.




Nombor Standard Pembelajaran

Nota Guru - Cadangan aktiviti dan maklumat tambahan yang disediakan sebagai panduan kepada guru untuk membimbing murid melaksanakan sesuatu aktiviti pembelajaran dan pengajaran.




Maklumat tambahan atau maklumat baharu.




Panduan menjaga kebersihan dan keselamatan.




Panduan menjalankan aktiviti.



Soalan KBAT untuk merangsang pemikiran murid.



Arahan permainan untuk aktiviti murid.




Halaman Seni Visual




Halaman Seni Muzik

# Alat dan Bahan

## Seni Visual



| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. kadbod | 2. cat air | 3. lilin | 4. gam *glitter* | 5. dakwat cina | 6. pengokot | 7. kertas kilat | 8. palet |



| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 9. kad (kertas tebal) | 10. pita pelekat | 11. pita pelekat dua muka | 12. cat poster | 13. pensel | 14. pewarna makanan | 15. gam | 16. *oil pastel* |



| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 17. *magic colour* | 18. gunting | 19. Pita pemadam | 20. pensel warna | 21. krayon | 22. lidi | 23. pinggan kertas | 24. tepung |



| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 25. cawan kertas | 26. kertas lukisan | 27. span | 28. kain putih | 29. tali tebal | 30. kertas warna | 31. kad manila | 32. berus bulat |



| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 33. berus rata | 34. bekas air | 35. penyembur air | 36. bola hiasan | 37. batu hiasan | 38. manik | 39. butang | 40. dawai hiasan |



| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 41. *modeling clay* | 42. mancis | 43. doh | 44. putik kapas | 45. *paper clay* | 46. lampu suluh | 47. kain felt |

## Seni Muzik



| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 48. kastanet | 49. kerincing | 50. loceng | 51. kayu irama | 52. kayu tik tok | 53. sompoton | 54. pembaris | 55. penyedut minuman |



| | | | |
|---|---|---|---|
| 56. tin aluminium | 57. tin bertutup plastik | 58. botol plastik | 59. tempurung kelapa |

## Bahasa Seni Visual

### Unsur Seni

# RUPA

# BENTUK

# JALINAN

### Prinsip Rekaan



kontra



penegasan



ritma dan pergerakan



kesatuan

Audio: Vokal *Bahasa Seni Visual*

# GARISAN

# RUANG

# WARNA



kepelbagaian



imbangan



harmoni

## Projek Kesenian Penggal Satu

Pada akhir penggal satu, kamu akan menghasilkan projek kesenian dengan rakan-rakan di dalam kelas. Kamu boleh merancang persembahan bersama-sama guru dan rakan-rakan. Tentu seronok, bukan? Apakah jenis persembahan yang boleh kamu lakukan?




### Aktiviti 1: Persediaan

1. Kumpul semua hasil karya seni (Unit 1 hingga 5) untuk dilabelkan.
2. Bentukkan kumpulan. Setiap kumpulan mempunyai 10 orang murid bagi persembahan boria.
3. Berikan lirik lagu.
4. Perdengarkan lagu.
5. Buat latihan nyanyian berserta pergerakan.
6. Buat jadual latihan.
7. Sediakan atur cara persembahan.
8. Sediakan tempat persembahan dan kawasan pameran (cadangan: sudut di belakang kelas).

### Aktiviti 2: Pameran

1. Hasilkan topi dengan hiasan teknik lipatan dan guntingan sebagai kostum semasa persembahan.
2. Hasilkan bingkai pada hasil karya dan labelkan.
3. Sediakan label bagi tapak pameran.
4. Setiap stesen dilabelkan mengikut bidang seni.
5. Susun semua hasil karya secara kreatif (cadangan: sudut di belakang kelas).



## Aktiviti 3: Persembahan

Audio: Projek Penggal Satu

1. Bersedia dalam kumpulan dengan topi dan kostum.
2. Buat persembahan selama 10 minit bagi setiap kumpulan.
3. Pastikan persembahan dijalankan secara teratur.
4. Selepas persembahan selesai, lawat kawasan pameran.
5. Akhir sekali, kemas dan simpan semua hasil karya, kostum dan topi dengan baik.
6. Pastikan tempat persembahan bersih dan teratur.
7. Buat laporan bergambar seperti folio.

### Kami Murid Cemerlang Terbilang

Lagu dan lirik: Linawati@Lina Adiman

Salam sejahtera kami ucapkan
Kepada guru-guru dan juga teman
Gembira bersama rakan sekalian
Persembahan boria kami berikan

Mari rakan-rakan kita belajar
Agar menjadikan kita cemerlang
Melukis, bernyanyi dan juga menari
La la la la la la kita murid terbilang



Skor lagu *Kami Murid Cemerlang Terbilang*

3.3.1
3.3.2

- Bimbing murid merancang pameran dan persembahan seni pada penghujung Penggal Satu.
- Bimbing murid menyanyikan lagu boria mengikut audio dengan pergerakan kreatif.
- Minta murid mengumpulkan hasil karya dari Unit I hingga 5 dan labelkan.
- Bimbing murid menyediakan bahan dan menghasilkan topi untuk persembahan.
- Murid membuat persembahan sambil memakai topi karya masing-masing.



# UNIT 1 Kami Suka Sayur

Lukisan ialah pelbagai jenis garisan dan imbangan yang wujud dalam membentuk imej dengan menggunakan media kering.

Sayur diletakkan dengan tegak dan seimbang bagi mendapatkan rupa sayur.





Lukis mengikut bayang lampu suluh.

Rupa yang kamu lihat ini dikenali sebagai rupa organik. Rupa organik tidak bersudut.





Lukis mengikut bayang-bayang matahari.

Mari lukis sayur-sayuran menggunakan pelbagai media untuk menghasilkan teknik garisan selari.



garisan lurus *oil pastel*



garisan melengkung pensel warna



garisan beralun *magic colour*

**INFO** Teknik melukis garisan secara berulang-ulang dikenali sebagai teknik garisan selari.

1.1.1 (i)
2.1.1 (i)

- Fokuskan bahasa seni visual (garisan, rupa, imbangan dan kepelbagaian) kepada murid dan kaitkan dengan objek dalam karya di atas.
- Bimbing murid meneroka teknik garisan selari yang lain seperti garisan zigzag dan garisan bersilang menggunakan pelbagai media kering.

EMK: Kreativiti dan Inovasi : Menganalisis Abad ke-21: Bersifat Ingin Tahu

## Garis di Sana, Garis di Sini

Mari buat lukisan dengan garisan selari.



1

Lakar rupa sayur-sayuran.



2

Lukis garisan lurus secara selari.



3

Lukis garisan melengkung secara selari.



4

Lukis garisan beralun secara selari.

## Alat dan bahan



Kamu boleh menghasilkan bingkai untuk kemasan pada karya.



Hasil karya cantik dan kemas.



kertas lukisan



pensel warna



*magic color*



*oil pastel*



pensel

Mengapakah kedudukan labu air diletakkan di bahagian belakang manakala kedudukan lobak di bahagian hadapan?

3.1.1 (i-iv)
4.1.1

- Bimbing murid membuat lakaran berdasarkan contoh karya.
- Galakkan murid mempelbagaikan media kering dalam aktiviti melukis di atas.
- Bimbing murid menghasilkan teknik garisan selari dengan betul.

EMK: Kreativiti dan Inovasi  : Menilai  Abad ke- 21: Bersifat Ingin Tahu

## Ikut Tempo

Audio 1: Vokal *Kami Suka Sayur*
Audio 2: Vokal *Kami Suka Sayur* (tempo lambat)
Audio 3: Vokal *Kami Suka Sayur* (tempo cepat)
Audio 4: Vokal *Kami Suka Sayur* (tempo lambat dan tempo cepat)

Mari bernyanyi lagu *Kami Suka Sayur* mengikut tempo sambil bertepuk tangan. Dapatkah kamu membezakan tempo lambat dengan tempo cepat?

### Kami Suka Sayur

Lagu dan lirik: Linawati@Lina Adiman

Mari kawan dengar nasihat guru
Makan sayur agar sihat selalu
Tomato, terung, lobak dan timun
Kami nikmati hidangan sihat

(ulang dua kali)



Skor lagu *Kami Suka Sayur*

2.2.3
2.2.4

- Perdengarkan lagu *Kami Suka Sayur* berpandukan Audio 1.
- Bimbing murid bernyanyi mengikut tempo lambat dan tempo cepat berdasarkan Audio 2 dan Audio 3.
- Bimbing murid mengenal pasti dan membezakan tempo lambat dengan tempo cepat berdasarkan Audio 4.

EMK: Kelestarian Alam Sekitar    : Menilai    Abad ke-21: Bersifat Ingin Tahu

## Permainan Arnab dan Kura-kura

Kenal pasti tempo lambat dan tempo cepat. Tunjukkan kad bergambar bagi tempo lambat atau tempo cepat berdasarkan audio.

Audio 5: Instrumental *Kami Suka Sayur* (tempo lambat)
Audio 6: Instrumental *Kami Suka Sayur* (tempo cepat)
Audio 7: Instrumental *Kami Suka Sayur* (tempo lambat dan tempo cepat)
Audio 8: Minus one *Kami Suka Sayur* (tempo lambat)
Audio 9: Minus one *Kami Suka Sayur* (tempo cepat)
Audio 10: Minus one *Kami Suka Sayur* (tempo lambat dan tempo cepat)

 tempo cepat  tempo lambat



1.2.1
1.2.3

- Perdengarkan lagu *Kami Suka Sayur* dalam tempo cepat dan tempo lambat melalui Audio 5 dan 6.
- Bimbing murid mengenal pasti dan membezakan tempo lambat dengan tempo cepat dengan menunjukkan kad bergambar  (tempo lambat) dan  (tempo cepat) berdasarkan Audio 7.

EMK: Nilai Murni  : Mengaplikasi Abad ke-21: Bermaklumat

## Bunyi di Sekelilingku

Tahukah kamu objek-objek yang berada di sekeliling kamu boleh diimprovisasi menjadi alat muzik?
Kamu boleh membuat sendiri alat muzik improvisasi untuk menghasilkan bunyi.



Bagaimanakah cara membuat alat muzik improvisasi ini?
Mari buat bersama-sama.




3.2.1

- Terangkan maksud bahan improvisasi kepada murid.
- Bimbing murid menghasilkan alat muzik improvisasi.
- Bimbing murid untuk membunyikan alat muzik improvisasi secara bebas. Kemudian, bahagikan murid mengikut kumpulan alat muzik tiupan, bertali dan perkusi. Minta murid membunyikan alat muzik improvisasi masing-masing dalam kumpulan.
- Minta murid mengajuk bunyi alat muzik improvisasi masing-masing.

EMK: Kreativiti dan Inovasi : Mencipta Abad ke-21: Bersifat Ingin Tahu

UNIT 2

# Bersih Pasti Cantik

Lipatan dan guntingan menghasilkan corak yang berulang-ulang. Corak ini boleh ditampal pada sesuatu permukaan.



Perbezaan warna dan rupa pada corak ini dikenali sebagai kontra. Harmoni pula ialah gabungan warna dan rupa yang seakan-akan sama.



Mari hasilkan corak lipatan dan guntingan dengan kesan corak yang berbeza.




Berhati-hati semasa menggunakan gunting.

## Teknik lipatan dua kali





## Teknik lipatan tiga kali





1.1.2 (i)
2.1.2 (i)

- Terangkan bahasa seni visual (rupa, warna, kontra dan harmoni) kepada murid dan kaitkan dengan karya di atas.
- Bimbing murid membuat teknik lipatan lain bagi mendapatkan kesan yang pelbagai dan menarik.
- Pastikan kertas yang digunakan nipis bagi memudahkan murid untuk menggunting.

EMK: Kreativiti dan Inovasi : Menganalisis Abad ke-21: Berdaya Tahan

## Bekas Air Comel

Mari hasilkan corak untuk membuat hiasan bekas air minuman.





1 Hasilkan corak lipatan dan guntingan dengan teknik lipatan dua kali.



2 Ulang langkah 1 menggunakan kertas warna yang berbeza.



3 Tampal corak pada kertas warna yang lain.

## Alat dan bahan

kertas warna


gam


gunting


bekas air minuman


bahan hiasan


**TIP**
Lilitkan pita pelekat di atas corak supaya corak tahan lebih lama dan kalis air.

4. Tampal corak pada keliling permukaan bekas air.





5. Hias bekas air minuman mengikut kreativiti.



Ceritakan pengalaman kamu semasa menghasilkan hiasan bekas air ini.



Hasil karya cantik dan kemas.

3.1.1 (i-iv)
4.1.2

- Bimbing murid menghasilkan corak lipatan dan guntingan pada bekas air minuman (beri alternatif bekas minuman yang mudah didapati seperti botol mineral kepada murid).
- Bincangkan bahasa seni visual (warna, rupa, kontra dan harmoni) yang wujud pada hasil karya.
- Bimbing murid menghasilkan karya seperti topi/tali pinggang (bengkung)/selempang menggunakan corak lipatan dan guntingan.
- Bimbing murid membuat apresiasi berdasarkan hasil karya.

EMK: Kreativiti dan Inovasi : Mengaplikasi Abad ke-21: Berdaya Tahan

## Postur Bernyanyi

Bagaimanakah bernyanyi dengan postur yang betul?




postur berdiri




postur duduk

Mari bernyanyi.

Audio 11 : Vokal *Riang Bernyanyi*
Audio 12 : Instrumental *Riang Bernyanyi*
Audio 13 : Minus one *Riang Bernyanyi*

## Riang Bernyanyi

Lagu dan lirik: Linawati@Lina Adiman

Adikku sayang mari bernyanyi
Renggangkan kaki tangan di sisi
Luruskan badan pandang ke depan
La la la la la hati gembira

Adikku sayang mari bernyanyi
Jangan bersandar pada kerusi
Tangan di paha tegakkan badan
Satu kaki ke hadapan

(ulang dua kali)



Skor lagu *Riang Bernyanyi*

2.2.1
2.2.2

- Bimbing murid bernyanyi dengan postur berdiri dan duduk yang betul berdasarkan lagu *Riang Bernyanyi.*
- Bimbing murid bernyanyi dengan pic yang betul.

EMK: Nilai Murni : Mengaplikasi Abad ke-21: Bersifat Ingin Tahu

## Ta Ti-ti Sa

Audio 14: Latihan 1
Audio 15: Latihan 2
Audio 16: Latihan 3

Mari tepuk dan sebut mengikut ikon di bawah.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Ikon | | | |
| Tepuk | | | |
| Sebutan | ta | ti-ti | sa |

Latihan 1

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| ta | ti-ti | ta | sa | ta | ta | sa | ta |

Latihan 2

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| ti-ti | sa | ti-ti | sa | ta | sa | ta | ta |

Latihan 3

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| ta | ti-ti | ta | sa | ta | sa | ta | ta |

## Permainan Tepuk Ikon

1. Bahagikan murid kepada kumpulan.
2. Setiap kumpulan diberikan 15 keping kad ikon.
3. Setiap kumpulan mencipta corak irama menggunakan kad ikon yang diberikan.
4. Lekatkan kad ikon pada setiap bulatan.
5. Tepuk tangan berdasarkan corak irama ciptaan kamu mengikut kumpulan.





3.2.2
3.2.3

- Sediakan 15 keping kad ikon untuk setiap kumpulan: = 6 keping = 6 keping = 3 keping
- Bimbing murid menyebut dan menepuk tangan berdasarkan kad ikon corak irama yang dicipta.

EMK: Kreativiti dan Inovasi : Mencipta Abad ke-21: Kerja Sepasukan

# UNIT 3

## Saya Juara

Arca stabail ialah binaan yang mempunyai tapak dan stabil.

Arca stabail berbentuk konkrit, boleh disentuh dan mempunyai pelbagai warna. Keseimbangan dapat membantu arca berdiri dengan kukuh.



Bolehkah kamu membuat binaan arca seperti di bawah? Antara bahan yang boleh digunakan ialah kadbod, kotak, cawan kertas dan lain-lain.





Arca stabail mempunyai tapak yang bersifat berat dan kukuh. Lihat bahan-bahan di bawah. Bahan-bahan ini boleh digunakan sebagai pemberat untuk mengukuhkan tapak.



*paper clay*



batu



pasir

1.1.3 (i)
2.1.3 (i)

- Bincangkan bahasa seni visual (bentuk, warna, imbangan dan kepelbagaian) yang terdapat pada arca stabail.
- Bimbing murid meneroka media dalam menghasilkan arca stabail yang pelbagai bentuk berdasarkan sifatnya.
- Galakkan murid menggunakan bahan gantian selain yang terdapat dalam gambar.

EMK: Kelestarian Alam Sekitar : Menganalisis Abad ke-21: Pemikir

## Piala Saya Hebat

Ayuh, buat arca stabail bersama-sama!

1 Sediakan dua cawan kertas yang berbeza saiz.




2 Gunting bahagian bibir cawan A dan B.



3 Balut cawan A dengan kertas kilat.



4 Buat kemasan pada mulut cawan A.



5 Buat kemasan pada bahagian bawah cawan A.



6 Ulang langkah 3 hingga 5 untuk cawan B menggunakan kertas kilat warna lain.



7 Gamkan kedua-dua bahagian bawah cawan.





**KESELAMATAN**

Berhati-hati semasa melilit dawai berbulu.

## Alat dan bahan

8 Lilit dawai berbulu di antara kedua-dua cawan.



9 Potong kad rupa bulat dan tampal dengan kertas kilat.



10 Lekatkan kad rupa bulat di antara cawan A dengan cawan B. Hiaskan.





Hasil karya cantik dan kemas.

Apakah kegunaan lain stabail piala ini?

Ceritakan pengalaman kamu semasa menghasilkan stabail piala menggunakan bahasa seni.



kertas kilat



kad



cawan kertas



gam



gunting



bahan hiasan



3.1.3 (i-iv)
4.1.1

- Bimbing murid menghasilkan arca stabail yang pelbagai daripada bahan yang berbeza.
- Murid juga boleh menggunakan cat poster atau teknik kolaj sebagai alternatif untuk mewarna cawan kertas bagi menggantikan kertas kilat.

EMK: Nilai Murni : Mencipta Abad ke-21: Mahir Berkomunikasi

## Sukan Sekolah

Dengar lagu *Sukan Sekolah*.
Senandungkan lagu ini sebelum menyanyikannya.

Audio 17 : Vokal *Sukan Sekolah*
Audio 18: Instrumental *Sukan Sekolah*
Audio 19: Minus one *Sukan Sekolah*

### Sukan Sekolah

Lagu dan lirik: Linawati@Lina Adiman

Sekolah dihias nampak indah
Hari Sukan sekolahku tiba
Biru hijau kuning merah
Rumah sukan diberi nama

Satu dua tiga sukan bermula
Lumba lari acara pertama
Garis penamat berakhir acara
Terima piala hati gembira

(ulang dua kali)



Skor lagu *Sukan Sekolah*

2.2.2
- Perdengarkan lagu *Sukan Sekolah* berpandukan Audio 17.
- Bimbing murid menyanyikan lagu tersebut baris demi baris (mengikut frasa.)
- Pastikan murid bernyanyi mengikut pic yang betul sebelum menyanyikan keseluruhan lagu bersama-sama.

EMK: Nilai Murni — : Mengaplikasi — Abad ke-21: Bersifat Ingin Tahu

## Irama Ciptaanku

Bunyikan alat muzik improvisasi di bawah.



Cipta corak irama melalui permainan di bawah.

Bahan: (1 set)  4 keping  2 keping  2 keping

1. Bahagikan murid kepada kumpulan. Setiap kumpulan mempunyai lapan orang ahli.
2. Setiap kumpulan mendapat satu set bahan.
3. Setiap kumpulan menyusun kad ikon mengikut kreativiti kumpulan masing-masing.
4. Setiap kumpulan memainkan corak irama yang dicipta menggunakan alat muzik improvisasi.

3.2.1
3.2.2
3.2.3

- Bimbing murid membunyikan alat muzik improvisasi.
- Bimbing murid membuat aktiviti mencipta corak irama.
- Bimbing murid memainkan corak irama menggunakan alat muzik improvisasi.

EMK: Kreativiti dan Inovasi : Mencipta Abad ke-21: Kerja Sepasukan

## Jenis Melodi

Audio 20: Melodi menaik
Audio 21 : Melodi menurun
Audio 22: Melodi mendatar

Dengar dengan teliti Audio 20 hingga 22. Dapatkah kamu membezakan melodi bertangga (melodi menaik dan melodi menurun) dengan melodi mendatar? Ajuk melodi yang didengar dengan suku kata la.







melodi mendatar

## Permainan Tangga Melodi

1. Dengar audio yang dimainkan oleh guru.
2. Nyanyikan melodi yang dimainkan dengan suku kata la.
3. Pilih melodi yang betul berdasarkan audio yang didengari.
4. Ajuk melodi yang dipilih.




1.2.2
1.2.4

- Bimbing murid mengenal dan membezakan melodi bertangga dengan melodi mendatar melalui Audio 20 hingga 22.
- Bimbing murid melakukan Permainan Tangga Melodi.

EMK: Nilai Murni : Menganalisis Abad ke-21: Kerja Sepasukan

UNIT 4

# Pusing Gasing Pusing

Alat permainan tradisional dimainkan untuk mengisi masa lapang. Ada pelbagai bentuk, rupa dan jalinan pada alat permainan tradisional.



Warna pada wau yang pelbagai memberikan kesan kontra.

Bola takraw berbentuk konkrit dan boleh disentuh.







Gasing mempunyai imbangan yang simetri.

Gasing biasanya diperbuat daripada kayu. Bolehkah gasing yang diperbuat daripada bahan lain seperti kotak dan tali tebal berpusing dengan seimbang? Mari kita uji.



kadbod



lidi



tali tebal




Pastikan lidi dicucuk di tengah paksi gasing agar seimbang dan boleh berpusing.







1.1.4 (i)
2.1.4 (i)

- Terangkan bahasa seni visual (bentuk, jalinan, imbangan dan kontra) yang terdapat pada alat permainan tradisional kepada murid.
- Bimbing murid menghasilkan gasing daripada media lain seperti pinggan kertas, bekas aluminium atau penutup botol.
- Pastikan murid berhati-hati semasa proses membuat gasing terutama semasa mencucuk lidi sebagai paksi gasing.

EMK: Kelestarian Alam Sekitar : Mencipta Abad ke-21: Patriotik

## Pusing Gasing Pusing

Mari hasilkan gasing dengan hiasan yang menarik.



**KESELAMATAN**

Berhati-hati semasa mencucuk lidi pada gasing.





2 Tebuk lubang dan cucuk lidi di bahagian tengah kertas bulat.




1 Lukis bulatan pada kertas tebal. Guntingkannya.





3 Sapu gam pada kertas bulat. Lilit tali tebal pada kertas bulat tersebut.

Kamu boleh menghias gasing menggunakan bahan lain.

TIP



4 Hias permukaan gasing mengikut kreativiti.



Hasil karya cantik dan kemas.

Bandingkan gasing kamu dengan rakan.
Gasing yang manakah berputar paling lama. Mengapa?

## Alat dan bahan

kad





lidi



pensel

gam





gunting

tali tebal



bahan hiasan



3.1.1 (i-iv)
4.1.2

- Bantu murid menebuk dan mencucuk lidi pada titik tengah gasing.
- Bimbing murid membuat apresiasi terhadap karya.
- Bersoal jawab dengan murid tentang pengalaman mereka menghasilkan gasing. Contohnya, *Bagaimanakah teknik menghasilkan gasing? Apakah bahan yang digunakan untuk menghasilkan gasing kamu?*

EMK: Kreativiti dan Inovasi : Mengaplikasi Abad ke-21: Patriotik

## Main Gasing

Mari dengar lagu *Main Gasing.*

Audio 23: Vokal *Main Gasing*
Audio 24: Vokal *Main Gasing* (tempo lambat)
Audio 25: Instrumental *Main Gasing*
Audio 26: Minus one *Main Gasing*

### Main Gasing

Lagu dan lirik: Linawati@Lina Adiman

Mari kawanku kita main gasing
Hati gembira gasingku berpusing
Masa bermula kawan mula kira
Gasing pusing lama jadilah juara

(ulang dua kali)



Skor lagu *Main Gasing*

2.2.3

- Perdengarkan keseluruhan lagu *Main Gasing* berpandukan Audio 23.
- Bimbing murid menyanyikan lagu tersebut baris demi baris (mengikut frasa). Pastikan murid bernyanyi mengikut tempo yang betul sebelum menyanyikan keseluruhan lagu bersama-sama.

EMK: Patriotisme | : Mengaplikasi | Abad ke-21: Bersifat Ingin Tahu

## Bunyi di Sekeliling Kita

Mari bunyikan setiap bahan improvisasi di bawah.



tin aluminium



tin dengan penutup plastik



botol plastik



tempurung kelapa



cawan kertas berisi kacang hijau

| Alat improvisasi | Bunyi | |
|---|---|---|
| | Kuat | Perlahan |
| botol plastik | | |
| tin aluminium | | |
| tin dengan penutup plastik | | |
| tempurung kelapa | | |
| cawan kertas berisi kacang hijau | | |
| | | |

3.2.1

- Sediakan bahan improvisasi di atas untuk diteroka oleh murid.
- Bimbing murid membunyikan bahan improvisasi tersebut.
- Galakkan murid menjana idea untuk menghasilkan pelbagai bunyi daripada bahan-bahan yang lain.
- Bimbing murid menilai bunyi yang dihasilkan berpandukan senarai semak di atas.

EMK: Kreativiti dan Inovasi    : Mengaplikasi    Abad ke-21: Kerja Sepasukan

## Main Gasing

Mari dengar lagu *Main Gasing*. Kemudian, mainkan alat perkusi mengikut detik lagu berdasarkan skor ikon di bawah.

Audio 27: Latihan corak irama kastanet
Audio 28: Latihan corak irama loceng
Audio 29: Latihan corak irama kayu tik tok
Audio 30: Latihan corak irama kerincing
Audio 31: Gabungan latihan corak irama
Audio 32: Instrumental *Main Gasing*















2.2.6
2.2.7

- Bimbing murid memainkan alat perkusi berdasarkan skor ikon lagu *Main Gasing* secara ensembel.
- Galakkan murid bertukar-tukar alat perkusi untuk memainkan corak irama masing-masing.

EMK: Nilai Murni : Mengaplikasi Abad ke-21: Kerja Sepasukan

# UNIT 5

# Bersukan Badan Sihat

Gosokan ialah teknik memindahkan kesan permukaan sesuatu bahan ke atas kertas.






garisan putus-putus

Mari perhatikan peralatan sukan di kios ini. Pelbagai rupa dan garisan terdapat pada peralatan sukan di sini.

rupa segi tiga

## teknik gosokan






1.1.1 (iii)
2.1.1 (iii)

- Terangkan bahasa seni visual (garisan, rupa, keseimbangan dan kepelbagaian) kepada murid.
- Murid boleh menggunakan pelbagai media untuk menghasilkan kesan gosokan.
- Bimbing murid meneroka objek lain dalam menghasilkan pelbagai kesan gosokan.
- Bagi aktiviti ini, pastikan murid mempunyai buku lakaran individu supaya dapat menjalankan aktiviti pembelajaran secara projek.

EMK: Keusahawanan : Menganalisis Abad ke-21: Bersifat Ingin Tahu

## Warna-warni Buah-buahan

Mari pilih permukaan bahan yang sesuai untuk menghasilkan kesan gosokan pada lakaran buah-buahan.

3



Lorek lakaran buah-buahan dengan pensel warna pada permukaan bahan yang pelbagai.

2



Terangkan lakaran rupa buah-buahan menggunakan pensel warna.

1



Lakar rupa buah-buahan menggunakan pensel.







4

## Alat dan bahan

kertas lukisan



pensel



pensel warna







Pastikan lakaran buah-buahan seimbang.



Syabas, kamu telah berjaya menghasilkan karya dengan teknik gosokan!

Hasil karya cantik dan kemas.

3.1.1 (i-iv)
4.1.1

- Sediakan contoh gambar pelbagai jenis buah-buahan.
- Bimbing murid menjalankan aktiviti gosokan pada pelbagai permukaan yang berbeza.
- Bimbing murid melakar kedudukan buah-buahan dengan prinsip keseimbangan.
- Bimbing murid membuat kemasan hasil karya.

EMK: Kreativiti dan Inovasi    : Mengaplikasi    Abad ke-21: Bermaklumat

## Bersenam Jaga Kesihatan

Audio 33: Vokal *Bersenam Jaga Kesihatan*
Audio 34: Instrumental *Bersenam Jaga Kesihatan*
Audio 35: Minus one *Bersenam Jaga Kesihatan*

Dengar lagu *Bersenam Jaga Kesihatan*. Kemudian, mainkan alat perkusi mengikut tempo lagu. Berikan tekanan pada ikon ★ dan ☾.

 = ★

 = ☾

### Bersenam Jaga Kesihatan

Lagu dan lirik: Linawati@Lina Adiman

Jaga**lah** kesi**ha**tan ki**ta**
Walau **di** mana **ki**ta bera**da**
Jadi **a**malan **se**tiap ma**sa**
Keluar**ga** hidup **ba**ha**gia**

Ang**kat ta**ngan hen**tak ka**ki
Gerak **ke**pala **ka**nan ke ki**ri**
Ber**senam**lah de**ngan se**nang hati
**Ba**dan si**hat** tiap ha**ri**

(ulang dua kali)



Skor lagu *Bersenam Jaga Kesihatan*

2.2.5
- Perdengarkan lagu *Bersenam Jaga Kesihatan* berpandukan Audio 33.
- Bimbing murid bermain alat perkusi berpandukan Audio 33 dengan memberikan tekanan pada ikon ★ dan ☾.

EMK: Nilai Murni | : Mengaplikasi | Abad ke-21: Bermaklumat

## Permainan Gerak Irama

1. Mainkan permainan ini dalam kumpulan.
2. Setiap ahli kumpulan melontar dadu dan menggerakkan penanda secara bergilir-gilir.
3. Lukis ikon pada petak ciptaan satu per satu mengikut kedudukan penanda berhenti.
4. Ulang permainan sehingga semua ciptaan lengkap.




Petak Ciptaan



3.2.2
3.2.3

- Sediakan dadu dan penanda bagi setiap kumpulan.
- Bimbing murid melakukan aktiviti mencipta dan memainkan corak irama.

EMK: Kreativiti dan Inovasi : Mencipta Abad ke-21: Kerja Sepasukan

## Pak Pak Bung Bung

Audio 36: Muzik kompang

Lihat gambar dan dengar audio paluan kompang bersama-sama.



Mari belajar memalu kompang.

Paluan kompang " pak" dan "bung"



pak

pak

pak 7 kali palu

pak

bung



bung 9 kali palu

bung

bung



4.2.1
4.2.2

- Bimbing murid mempelajari teknik asas paluan kompang berpandukan latihan di atas.
- Bercerita dan bersoal jawab tentang permainan kompang dari segi jenis muzik dan budaya. dengan lebih mendalam.
- Bimbing murid membuat ulasan tentang muzik kompang.

EMK: Nilai Murni  : Mengaplikasi  Abad ke-21: Patriotik

## Projek Kesenian Penggal Dua

Pada akhir penggal kedua nanti, kamu akan mengadakan persembahan muzikal berdasarkan audio yang disediakan. Rancang persembahan ini bersama-sama guru dan rakan-rakan.











## Permainya Negaraku

Lagu dan Lirik : Alan Aziz

Hutan menghijau kaya tumbuhan
Udara segar sihatkan badan
Burung berkicau merdu irama
Indah memukau bumi tercinta

Banyak khazanah negara kita
Taman laut rimba tersedia
Kebersihan mesti kita jaga
Agar kekalkan keindahannya

Permai Malaysia terkenal sudah
Laut membiru pantainya indah
Angin menderu tempat berkelah
Riang bersama ibu dan ayah

Skor lagu
*Permainya Negaraku*

3.3.1
3.3.2

- Bimbing murid merancang pameran dan persembahan seni pada penghujung Penggal Dua.
- Minta murid membuat persembahan kumpulan mengikut audio yang diperdengarkan.
- Minta murid mengumpulkan hasil karya dari Unit 6 hingga 10 dan labelkan.
- Bimbing murid menyediakan bahan untuk persembahan.

# UNIT 6

# Cantik Menawan

Cetakan ialah proses menerap blok berdakwat ke atas sesuatu permukaan seperti kertas atau kain.



Teroka pelbagai media seperti di bawah. Lihat kesan cetakan yang terhasil.





rupa organik



rupa geometri

Apakah kesan kontra pada hasil cetakan ini?

span



tali tebal



kotak



mancis











1.1.2 (ii)
2.1.2 (ii)

- Terangkan bahasa seni visual (rupa, warna, kontra dan kepelbagaian) kepada murid.
- Bimbing murid mengeksplorasi bahan yang pelbagai dalam proses penghasilan blok cetakan.
- Bersoal jawab dengan murid tentang unsur seni rupa (geometri dan organik) dan kontra (rupa dan warna) pada hasil cetakan.

EMK: Kreativiti dan Inovasi : Mengaplikasi Abad ke-21: Bersifat Ingin Tahu

## Cantik Menawan

Mari hasilkan cetakan secara berkumpulan.

6 Terap blok corak pada kain putih. Tekan dengan tapak tangan.





Hasil karya kemas dan cantik.



1 Sediakan kotak.





2 Tanggalkan permukaan kotak.

## Alat dan bahan

kad tebal

kain putih

kotak

gam

berus warna

gunting

pensel

palet

tali tebal

cat poster



5. Sapu cat poster pada blok corak yang telah dihasilkan.

4. Gamkan hasil guntingan dan tali tebal pada kad tebal.

3. Lakar rupa dan gunting.



3.1.1 (i-iv) 4.1.1

- Bimbing murid meneroka rupa corak yang pelbagai.
- Pastikan murid berhati-hati semasa menggunakan gunting.
- Bimbing murid membuat apresiasi seni berdasarkan hasil karya.

EMK: Kreativiti dan Inovasi    : Mengaplikasi    Abad ke-21: Kerja Sepasukan

## Gerak Melodi

Audio 37: Vokal *Cantik Menawan*
Audio 38: Instrumental *Cantik Menawan*
Audio 39: Minus one *Cantik Menawan*

Mari buat pergerakan berdasarkan Audio 37.

### Cantik Menawan

Lagu dan lirik: Alan Aziz

Kain belacu baldu sutera
Pelbagai corak dan juga warna
Baik basahan dan kebesaran
Indah budaya yang menawan

Corak berilham flora dan fauna
Bergarisan berjalur dan berbelang
Tak kira usia tua dan muda
Bermacam warna cantik dipandang

(ulang dua kali)



menaik



mendatar



menurun

Skor lagu *Cantik Menawan*

## Melodi Berbunyi

Audio 40: Vokal *Cantik Menawan* (tempo cepat)
Audio 41 : Vokal *Cantik Menawan* (tempo lambat)
Audio 42: Instrumental *Cantik Menawan* (tempo cepat)
Audio 43: Instrumental *Cantik Menawan* (tempo lambat)

Mari bergerak mengikut melodi secara berpasangan. Ikut audio yang dimainkan.



melodi menaik
(ayunkan tangan di atas kepala)



melodi mendatar
(ayunkan tangan di paras dada)



melodi menurun
(ayunkan tangan di paras pinggang)

1.2.4
2.2.8
2.2.9

- Bagi aktiviti di atas, bimbing dalam melakukan aktiviti pergerakan melodi mengikut audio tempo cepat dan tempo lambat.
- Guru boleh menggunakan bahan tambahan lain selain kain cetakan.

EMK: Kreativiti dan Inovasi : Menilai Abad ke-21: Bermaklumat

## Dengar, Susun, Ajuk, Tepuk

Audio 44: Corak irama 1
Audio 45: Corak irama 2
Audio 46: Corak irama 3
Audio 47: Corak irama 4

1. Bina satu kumpulan seramai lima orang murid.
2. Dengar audio yang dimainkan beberapa kali.
3. Ambil kad ikon berdasarkan audio corak irama yang didengari.
4. Susun kad ikon pada papan putih.
5. Tepuk tangan mengikut corak irama tersebut.
6. Susun kad ikon yang sama yang terdapat pada papan putih menjadi corak irama ciptaan sendiri.
7. Tepuk tangan mengikut corak irama tersebut.
8. Ulang langkah 2 hingga 7 dengan kumpulan lain.

Contoh kad ikon






3.2.2
3.2.3

- Sediakan kad ikon.
- Bimbing murid mencipta dan memainkan corak irama dengan metronom.

EMK: Kelestarian Global    : Menganalisis    Abad ke-21: Kerja Sepasukan

## Inilah Melodiku

Audio 48: Metronom

Ayuh, mainkan corak irama ciptaan sendiri!

1. Berdiri dalam kumpulan.
2. Susun kad ikon.
3. Tepuk tangan mengikut corak irama ciptaan kumpulan kamu.
4. Setiap kumpulan menepuk corak irama ciptaan sendiri secara berturutan bermula dengan Kumpulan 1, diikuti dengan kumpulan yang seterusnya.
5. Mainkan corak irama sekali lagi dengan iringan metronom.



3.2.2
3.2.3

- Sediakan kad ikon.
- Bimbing murid mencipta corak irama.
- Bimbing murid memainkan corak irama dengan iringan metronom.
- Pelbagaikan cara permainan.

EMK: Kelestarian Global : Mencipta Abad ke-21: Kerja Sepasukan

UNIT 7

# Burung Kenek-kenek





Mari teroka pelbagai bahan yang mempunyai bentuk yang sesuai dengan rupa haiwan yang kamu lihat.

topeng mata






topeng muka






topeng serkup






1.1.3 (ii)
2.1.3 (ii)

- Terangkan bahasa seni visual (bentuk, jalinan, keseimbangan dan penegasan) kepada murid.
- Jelaskan tentang jenis-jenis topeng kepada murid.
- Bimbing murid meneroka bentuk yang sesuai dalam menghasilkan topeng.
- Bersoal jawab dengan murid tentang kesan penegasan dalam menghasilkan topeng haiwan.

EMK: Nilai Murni : Menilai Abad ke-21: Bersifat Ingin Tahu

## Topeng Serkup Si Burung Kenek-kenek

Buat topeng serkup dengan menerapkan unsur jalinan dan prinsip penegasan.

1



Potong kad manila mengikut saiz yang sesuai.

2




Lakarkan mata burung dengan templat mata pada kedudukan yang sesuai dan gunting.

5



Cantumkan kad manila menjadi bentuk silinder.





Hasil karya cantik dan kemas.

3



Buat bentuk kon dan tampal pada topeng sebagai paruh burung.

4



Hiaskan topeng serkup dengan bahan berunsur jalinan.

## Alat dan bahan

kertas warna



kain felt



gam





gunting



pensel

pita pelekat dua muka



pengokot



kad manila



bahan hiasan



3.1.1 (i-iv) 4.1.2

- Bimbing murid memilih dan memanipulasi alat dan bahan secara kreatif.
- Bimbing murid mempelbagaikan bahan berunsur jalinan pada topeng.
- Tekankan prinsip penegasan dalam menghasilkan topeng serkup kepada murid.
- Bimbing murid membuat apresiasi secara lakonan berdasarkan audio yang disediakan.
- Sediakan templat mata untuk memudahkan murid melakar mata pada topeng.

EMK: Kreativiti dan Inovasi — : Mengaplikasi — Abad ke-21: Kerja Berpasukan

## Situasi dan Kesan Bunyi

Dengar audio cerita. Teliti kesan bunyi dalam cerita. Hasilkan kesan bunyi. Kemudian, dengar Audio 50 hingga 56. Cuba teroka kesan bunyi yang sesuai dari audio yang dimainkan.

Audio 49: Cerita "Kisah Seekor Burung Belatuk" dengan kesan bunyi
Audio 50: Kesan bunyi hujan
Audio 51 : Kesan bunyi guruh
Audio 52: Kesan bunyi burung terbang
Audio 53: Kesan bunyi petir
Audio 54: Kesan bunyi dahan pokok patah
Audio 55: Kesan bunyi menggigil kesejukan
Audio 56: Kesan bunyi burung belatuk membuat sarang

### Kisah Seekor Burung Belatuk

Pada suatu petang, seekor burung belatuk **membuat sarang.**



Tiba-tiba **hujan** turun dengan lebatnya.



**Guruh** berbunyi dengan kuatnya.



Burung belatuk **kesejukan** di dalam sarang.



Tiba-tiba **petir** menyambar dahan pokok.



Dahan pokok **patah**.
Burung **terbang** menyelamatkan diri.

3.2.1

- Bahagikan murid kepada beberapa kumpulan untuk melakukan aktiviti situasi dan kesan bunyi.
- Minta murid memainkan alat muzik improvisasi pada perkataan yang berwarna merah.
- Galakkan murid menghasilkan kesan bunyi daripada alat muzik improvisasi yang lain untuk aktiviti bercerita.

EMK: Kelestarian Alam Sekitar : Mencipta Abad ke-21: Pemikir

Dengar dan nyanyikan lagu *Burung Kenek-kenek* dengan pic yang betul.

Audio 57: Vokal *Burung Kenek-kenek*
Audio 58: Instrumental *Burung Kenek-kenek*
Audio 59: Minus one *Burung Kenek-kenek*



## Burung Kenek-kenek

Lagu dan lirik: Dato' Aripin Said
Gubahan: Alan Aziz

Burunglah kenek-kenek
Hinggap di pohon jati
Pesanlah datuk nenek
Ayuh bangun pagi-pagi

Geleng-geleng sapi
Sapi berbulu merah
Atur tapak kaki
Cepat-cepat melangkah

Burunglah kenek-kenek
Terbang tinggi di awan
Pesanlah datuk nenek
Pandai-pandai cari kawan

(ulang dua kali)



Skor lagu
*Burung Kenek-kenek*

# Skor Ensembel
# Burung Kenek-kenek

Audio 60: Sebutan irama kastanet
Audio 61 : Tepukan irama kastanet
Audio 62: Sebutan irama loceng
Audio 63: Tepukan irama loceng




2.2.2
2.2.7

- Bimbing murid membaca lirik baris demi baris diikuti dengan menyenandungkan melodi lagu.
- Bimbing murid menyanyikan lagu baris demi baris diikuti dengan rangkap demi rangkap dengan pic yang betul. Bimbing murid berlatih menepuk tangan mengikut corak irama berdasarkan skor alat perkusi di atas.
- Aktiviti di atas boleh dilaksanakan dalam kumpulan. Minta murid memainkan alat perkusi secara ensembel dengan iringan audio.

EMK: Nilai Murni :Mengaplikasi Abad ke-21: Kerja Sepasukan

Audio 64: Corak irama kastanet
Audio 65: Corak irama loceng
Audio 66: Instrumental corak irama
kastanet dan loceng



UNIT 8

# Uli-uli Tembikar

Tembikar ialah peralatan yang dibentuk daripada tanah liat dan dibakar. Biasanya tembikar digilap untuk mengukuhkan dan mencantikkannya.



**INFO** Jalinan tampak ialah jalinan yang boleh dilihat melalui mata tetapi tidak boleh dirasa dengan sentuhan.




Apakah perbezaan antara jalinan sentuh dengan jalinan tampak?

1.1.4 (ii)

- Terangkan bahasa seni visual (bentuk, jalinan, keseimbangan dan kepelbagaian) kepada murid.
- Bimbing murid meneroka bahan yang sesuai dalam menghasilkan tembikar seperti doh tepung, *modeling clay* dan *dry clay*.
- Bimbing murid membanding beza antara jalinan sentuh dengan jalinan tampak.

EMK: Keusahawanan | : Mengaplikasi | Abad ke-21: Pemikir

## Mari Membentuk

Mari buat tembikar mengikut bentuk yang sesuai melalui teknik picitan.







Teknik picitan tembikar silinder



Syabas, kamu telah berjaya!



Teknik picitan tembikar kubus





Tembikar telah dapat dibentuk.










*Air dry clay* boleh digunakan dalam aktiviti ini kerana:

- selamat untuk kanak-kanak
- tidak bertoksik
- tidak melekit dan sangat elastik
- kering dengan cepat

2.1.4 (ii)

- Bimbing murid menghasilkan tembikar dengan teknik picitan. Rujuk video yang disediakan.
- Bersoal jawab dengan murid tentang unsur bentuk dan prinsip keseimbangan dalam menghasilkan sebuah tembikar yang baik melalui teknik picitan.

EMK: Teknologi Maklumat dan Komunikasi    : Mengaplikasi    Abad ke-21: Bersifat Ingin Tahu

## Tembikar Comel

Mari buat tembikar dengan bentuk yang seimbang dan jalinan yang menarik.

Cara membuat doh tepung.



1

Bentukkan doh menjadi sfera.



2

Pegang dan picit doh di bahagian tengah dengan ibu jari.



3

Picit doh untuk bukaan yang seimbang dengan dua ibu jari.



4

Gunakan ibu jari dan jari telunjuk semasa memicit untuk mendapatkan bentuk tembikar yang diingini.

## Alat dan bahan

doh tepung



palet



cat poster



berus warna





5

Picit adunan untuk membentuk tembikar.



6

Bentukkan bibir tembikar.



7

Warnakan tembikar dengan cat poster.



8

Keringkan tembikar di bawah cahaya matahari.

| 3.1.1 (i-iv)<br>4.1.2 | • Bimbing murid menghasilkan tembikar dengan teknik picitan secara tertib.<br>• Bimbing murid membuat apresiasi berdasarkan hasil karya. |
|---|---|

EMK: Kreativiti dan Inovasi     : Mengaplikasi     Abad ke-21: Patriotik

## Tembikar Cantik

Mari menyanyikan lagu dengan tempo yang betul.

Audio 67: Vokal *Tembikar Cantik*
Audio 68: Instrumental *Tembikar Cantik*
Audio 69: Minus one *Tembikar Cantik*

Skor lagu *Tembikar Cantik*

### Tembikar Cantik

Lagu dan lirik: Alan Aziz

Tepung yang diuli-uli
Gaulkan sampai sebati
Picit dengan ibu jari
Buat kerja sampai jadi

Tembikar pelbagai warna
Tanah liat yang diguna
Bermacam bentuk dan rupa
Buatan tangan adanya

(ulang dua kali)



## Ketuk-ketuk Detik

Audio 70: Vokal *Tembikar Cantik* (tempo lambat)
Audio 71 : Vokal *Tembikar Cantik* (tempo cepat)
Audio 72: Vokal *Tembikar Cantik* (tempo lambat dan tempo cepat)

Mari lakukan
pergerakan mengikut tempo lagu *Tembikar Cantik*.

1 Tepung yang diuli-uli
Tembikar pelbagai warna



Ketuk kayu irama pasangan kamu.

2 Gaulkan sampai sebati
Tanah liat yang diguna



Berkawad dan tukar pasangan.

3 Picit dengan ibu jari
Bermacam bentuk dan rupa



Ketuk kayu irama pasangan yang baharu.

4 Buat kerja sampai jadi
Buatan tangan adanya



Berkawad dan tukar pasangan.

1.2.3
2.2.3

- Minta murid menyanyikan lagu *Tembikar Cantik* mengikut tempo.
- Perdengarkan audio. Bimbing murid melakukan aktiviti mengikut tempo yang diperdengarkan.
- Galakkan murid membuat pergerakan mengikut tempo lagu *Tembikar Cantik*.

EMK: Bahasa : Mengaplikasi Abad ke-21: Bermaklumat

## Bunyi yang Menarik

Mari hasilkan bunyi daripada alat muzik improvisasi ini.

Tepung yang diuli-uli



Gaulkan sampai sebati



Picit dengan ibu jari



Buat kerja sampai jadi



Tembikar pelbagai warna



Tanah liat yang diguna



Bermacam bentuk dan rupa



Buatan tangan adanya



## Konduktor Muda

Nyanyi sambil bermain alat muzik improvisasi dalam kumpulan.





**Siapakah konduktor muzik?**
Konduktor muzik ialah pemimpin persembahan ensembel muzik.

Skor lagu
*Tembikar Cantik*

3.2.1

- Terangkan alat muzik improvisasi yang akan dimainkan mengikut skor ikon lagu *Tembikar Cantik* kepada murid.
- Bimbing murid memainkan alat muzik improvisasi sebelum menggabungkan kesemuanya dalam permainan ensembel.
- Bimbing konduktor memimpin persembahan mengikut tempo.
- Bimbing murid memainkan alat muzik improvisasi mengikut arahan konduktor.
- Galakkan murid menjadi konduktor secara bergilir-gilir.

EMK: Kelestarian Alam Sekitar : Mengaplikasi Abad ke-21: Kerja Sepasukan

UNIT 9

# Jalan-jalan ke Taman Rama-rama

Catan ialah aktiviti menghasilkan gambar menggunakan media basah di atas permukaan rata seperti kertas.

Kontra dapat dilihat pada perbezaan saiz rama-rama manakala kepelbagaian warna dan bentuk terdapat pada bunga.



Mari buat bancuhan cat air untuk mendapatkan kesan ton warna pada catan dengan teknik basah atas kering.




Tambahkan air untuk kesan warna lebih terang.




Tambahkan warna yang sama untuk kesan warna lebih gelap.



1.1.1 (ii)
2.1.1 (ii)

- Terangkan bahasa seni visual (bentuk, warna, kontra dan kepelbagaian) kepada murid dan kaitkan dengan karya di atas.
- Bimbing murid menghasilkan perubahan ton warna.

EMK: Kelestarian Alam Sekitar : Menilai Abad ke-21: Pemikir

## Rama-rama Warna-warni

Sekarang, mari kita teroka media yang sesuai digunakan untuk menghasilkan catan teknik basah atas kering.

### Kesan pelbagai media pada catan



## Kesan pelbagai teknik pada catan




2.1.1 (ii)

- Berbincang tentang kesan penggunaan media dan teknik catan pada karya dengan murid.
- Bimbing murid membuat lakaran berdasarkan contoh karya guru.
- Bimbing murid meneroka media yang pelbagai dalam menghasilkan catan teknik basah atas kering.

EMK: Kreativiti dan Inovasi    : Menganalisis    Abad ke-21: Bersifat Ingin Tahu

## Catan Cantik

Mari hasilkan catan Taman Mini.

1



Lakar lukisan bunga dan rama-rama.

2



Warnakan lakaran dengan cat air.

3



Warnakan lakaran dengan pewarna makanan.

4



Gunakan putik kapas untuk kesan titik-titik.



5

Ulang langkah 2 dengan dakwat cina.



Keringkan dan bingkaikan hasil karya.



**TIP**

Gunakan ton warna untuk menghasilkan bentuk ilusi pada lakaran.

## Alat dan bahan

kertas lukisan



berus bulat





pensel

palet



dakwat cina



pewarna makanan



cat air



putik kapas



3.1.1 (i-iv) 4.1.1 4.1.2

- Minta murid membuat lakaran sendiri berdasarkan contoh lakaran guru.
- Bimbing murid membancuh cat air bagi mendapatkan kesan ton warna yang dikehendaki.
- Bantu murid mewarna karya dengan kemas.
- Bimbing murid membuat apresiasi berdasarkan hasil karya.

EMK: Kreativiti dan Inovasi : Mengaplikasi Abad ke-21: Mahir Berkomunikasi

## Taman Mini

Mari bernyanyi lagu *Taman Mini* mengikut tempo yang betul.

Audio 73: Vokal *Taman Mini*
Audio 74: Instrumental *Taman Mini*
Audio 75: Minus one *Taman Mini*

### Taman Mini

Lagu dan lirik: Alan Aziz

Ayuh kawanku mari ke mari
Kita bersiar ke taman mini
Banyak bunga yang harum mewangi
Berwarna-warni indah berseri

Lihat di sana Sang Rama-rama
Terbang hinggapnya di pohon bunga
Sungguh indahnya dapat kurasa
Ke taman mini sangat kusuka

(ulang dua kali)



Skor lagu *Taman Mini*

Mari bernyanyi dan bergerak mengikut tempo cepat dan tempo lambat.

Audio 76: Vokal *Taman Mini* (tempo lambat)
Audio 77: Vokal *Taman Mini* (tempo cepat)
Audio 78: Vokal *Taman Mini* (dengan perubahan tempo)



2.2.4
2.2.9

- Minta murid menyanyikan lagu *Taman Mini* dengan tempo yang betul.
- Perdengarkan Audio 78 untuk latihan perubahan tempo kepada murid. Pastikan murid melakukan aktiviti mengikut audio tempo yang betul.
- Bahagikan murid kepada dua kumpulan. Satu kumpulan memegang gambar bunga dan satu kumpulan lagi menggayakan pergerakan rama-rama. Kedua-dua kumpulan bernyanyi sambil bergerak mengikut tempo lagu.

EMK: Kreativiti dan Inovasi : Menganalisis Abad ke-21: Pemikir

Audio 79: Muzik tarian singa

## Singa Menari

Tarian singa ialah tarian tradisional yang merupakan sebahagian daripada budaya masyarakat Cina. Biasanya, persembahan tarian singa memeriahkan sambutan Tahun Baru Cina.





Kostum singa dipakai oleh dua orang penari; seorang di bahagian hadapan dan seorang di bahagian belakang.

Tarian singa diiringi oleh bunyi dram dan gong serta dentuman mercun yang dianggap membawa tuah.

## Persembahan Tarian Singa

Lihat persembahan tarian singa oleh rakan-rakan kamu.



4.2.1
4.2.2

- Ceritakan perihal tarian singa.
- Layari Internet dan pertontonkan video tarian singa kepada murid.
- Bersoal jawab dan berbincang tentang muzik tarian singa dengan murid.
- Galakkan murid membuat persembahan tarian singa sambil diiringi bunyi dram.

EMK: Nilai Murni : Menilai Abad ke-21: Patriotik




# Segarnya Air Terjun

Resis ialah teknik menolak warna pada media kalis air.

Warna jingga pada kepala burung enggang menunjukkan prinsip kontra.

Lihat aliran air terjun, pergerakan ikan dan riak di permukaan air yang memberikan kesan pergerakan.

## Garis Bergerak




### Jenis garisan yang menunjukkan pergerakan






1.1.1 (iv)

- Terangkan bahasa seni visual (garisan, warna, kontra dan pergerakan) kepada murid.
- Bimbing murid meneroka penggunaan pelbagai media dalam menghasilkan catan teknik resis.
- Bersoal jawab dengan murid tentang kesan media terhadap unsur garisan dan prinsip pergerakan dalam menghasilkan karya.

EMK: Kelestarian Alam Sekitar | : Mengaplikasi | Abad ke-21: Bersifat Ingin Tahu

## Banyaknya Garisan!

Mari buat lakaran dengan menggunakan bahan-bahan di bawah. Apakah kesan yang dapat kamu lihat?



krayon

garisan beralun











pita pemadam

garisan berpancar







## garisan melengkung



*oil pastel*









gam *glitter*



## garisan putus-putus

2.1.1 (iv)

- Terangkan bahasa seni visual (garisan, warna, pergerakan dan kontra) kepada murid.
- Bimbing murid meneroka pelbagai media dalam menghasilkan catan teknik resis.
- Bersoal jawab dengan murid tentang kesan media terhadap unsur warna dan prinsip kontra.

EMK: Kreativiti dan Inovasi : Mengaplikasi Abad ke-21: Bersifat Ingin Tahu

## Suasana Hidupan Laut

Mari hasilkan gambar menggunakan teknik resis.

1



Buat lakaran pelbagai jenis garisan.

2



Lukis semula lakaran dengan *oil pastel.*

3



Lukis semula lakaran dengan lilin.



**TIP**

Karya lebih mudah diwarnakan dengan cat air yang lebih cair.

4



Warnakan lakaran dengan cat poster.

## Alat dan bahan


kertas lukisan


berus warna


pensel


palet


lilin


*oil pastel*


cat poster



Hasil karya cantik dan kemas.



**KESELAMATAN**

Pakai apron semasa membuat aktiviti resis.



3.1.1 (i)-(iv) 4.1.2

- Selain bahan yang ditunjukkan, murid digalakkan mempelbagaikan bahan untuk melakar bagi menghasilkan kesan yang berbeza.
- Bimbing murid membuat apresiasi berdasarkan hasil karya.

EMK: Keusahawanan | : Mengaplikasi | Abad ke-21: Mahir Berkomunikasi

## Rentak Muzik, Gerak Tari

Dengar lagu *Nyamannya di Air Terjun*.
Nyanyikannya mengikut tempo yang betul.

Audio 80: Vokal *Nyamannya di Air Terjun*
Audio 81: Instrumental *Nyamannya di Air Terjun*
Audio 82: Minus one *Nyamannya di Air Terjun*
Audio 83: Instrumental *Nyamannya di Air Terjun* (dengan perubahan tempo)

### Nyamannya di Air Terjun

Lagu dan lirik: Alan Aziz

Lihat di sana air terjun indah
Ramai orang mandi di sana
Kita gembira sambil berkelah
Ayuh kawan-kawan semua

Airnya jernih udara segar
Rasa sejuk nyaman sekali
Pelbagai unggas bermacam gaya
Hati riang pasti kembali

(ulang dua kali)



Skor lagu *Nyamannya di Air Terjun*

## Permainan Tempo

1. Murid duduk dalam bulatan.
2. Dengar lagu perubahan tempo berpandukan Audio 83.
3. Murid bertepuk tangan mengikut audio tersebut.
4. Murid mengulangi langkah 2 hingga 4 menggunakan objek seperti patung beruang sambil bernyanyi mengikut tempo lagu.



2.2.3
2.2.4

- Perdengarkan dan bernyanyi lagu *Nyamannya di Air Terjun*.
- Minta murid bernyanyi mengikut perubahan tempo berdasarkan Audio 83.

EMK: Nilai Murni : Menilai Abad ke-21: Kerja Sepasukan

## Pemuzik Cilik

1. Bentukkan dua kumpulan, iaitu kumpulan bernyanyi dan kumpulan bermain alat muzik improvisasi.
2. Mainkan alat muzik improvisasi berdasarkan skor corak irama dan nyanyikan lagu *Nyamannya di Air Terjun* bersama-sama.
3. Kamu boleh bertukar peranan menyanyikan lagu dengan memainkan alat muzik improvisasi.

Contoh corak irama





3.2.1
- Sediakan alat muzik improvisasi.
- Edarkan skor corak irama dan alat muzik improvisasi kepada kumpulan.
- Bimbing murid membuat persembahan ensembel alat muzik improvisasi.

EMK: Kreativiti dan Inovasi : Mengaplikasi Abad ke-21: Kerja Sepasukan

## Ikut Iramaku

1. Bentukkan empat kumpulan alat perkusi (kayu irama, kastanet, loceng dan kayu tik tok).
2. Ketua kumpulan mengambil satu set kad ikon. Setiap ahli kumpulan menyusun kad ikon menjadi skor corak irama pada papan putih.
3. Kumpulan pertama menepuk tangan mengikut corak irama ciptaan mereka manakala kumpulan lain mengajuk menggunakan alat perkusi masing-masing.
4. Ulang langkah 3 dengan kumpulan yang seterusnya berdasarkan corak irama ciptaan sendiri.




3.2.2
3.2.3

- Sediakan lapan keping kad ikon untuk setiap kumpulan: = 2 keping = 4 keping = 2 keping
- Bimbing murid memainkan alat perkusi mengikut skor ikon corak irama.

EMK: Nilai Murni : Mencipta Abad ke-21: Kerja Sepasukan

## Susun dan Cipta

1. Guru menyediakan kotak notasi yang mengandungi 32 kad ikon.
2. Murid mengambil empat kad ikon secara rawak dan menampal kad ikon tersebut pada papan putih.
3. Ulang langkah 2 dengan murid kedua, ketiga dan keempat.
4. Setelah 16 kad ikon disusun pada papan putih, murid lain akan memainkan corak irama yang dipaparkan.
5. Ulang langkah 2 hingga 5 dengan murid yang lain.




3.2.2
3.2.3

- Sediakan lapan keping kad ikon untuk setiap kumpulan:  = 2 keping  = 4 keping  = 2 keping
- Bimbing murid memainkan alat perkusi mengikut skor ikon corak irama.
- Sediakan alat perkusi.

EMK: Nilai Murni  : Mencipta Abad ke-21: Kerja Sepasukan

## Sompoton

Audio 84: Bunyi sompoton
Audio 85: Muzik tarian Sumazau





Alat muzik ini ialah sompoton. Sompoton berasal dari Sabah. Sompoton dibunyikan dengan cara meniup. Sompoton digunakan untuk mengiringi tarian Sumazau.



Audio 86: Muzik Sumazau

# Tarian Sumazau

Mari kita belajar tarian Sumazau.




4.2.1
4.2.2

- Bimbing murid membuat ulasan tentang jenis muzik dalam tarian Sumazau.
- Beri contoh lagu popular muzik Sumazau seperti *Jambatan Tamparuli.*
- Galakkan murid berkongsi idea melalui pengalaman mereka sendiri.
- Galakkan murid bersoal jawab tentang persembahan rakan mereka.
- Bimbing murid belajar asas tarian Sumazau.
- Bimbing murid membuat persembahan tarian Sumazau secara berkumpulan.

EMK: Teknologi Maklumat dan Komunikasi : Menganalisis Abad ke-21: Mahir Berkomunikasi

## Glosari Seni Visual

| | |
|---|---|
| arca | karya seni tiga dimensi |
| bentuk | mempunyai jisim, isi padu dan lebih daripada satu permukaan |
| catan | penghasilan imej 2D menggunakan media basah |
| cetakan | proses penerapan imej yang serupa dengan menggunakan blok tertentu |
| corak | rupa yang sama yang diulang-ulang susunannya |
| gasing | sejenis alat permainan tradisional yang berputar pada paksinya |
| geometri | mempunyai sempadan yang tepat dan bersudut |
| lipatan dan guntingan | proses melipat dan menggunting bahan mengikut corak dan hasilnya ditampal di atas kertas yang lain |
| lukisan | penghasilan imej 2D menggunakan media kering |
| organik | sifatnya bebas dan tiada sudut |
| resis | proses menghasilkan karya melalui kaedah penolakan cat air terhadap bahan berasaskan minyak |
| stabail | arca yang dibina di atas tapak tetap dan kukuh |
| tembikar | hasil kraf tangan yang menggunakan tanah liat yang dibakar |
| topeng | penutup bahagian di sekeliling mata, muka atau keseluruhan kepala |
| warna asas | warna utama, iaitu merah, biru dan kuning |

## Glosari Seni Muzik

| | |
|---|---|
| detik | tekanan atau bit berkala yang berulang seperti detik pada jam |
| ensembel | satu gabungan kumpulan alat muzik |
| melodi | pergerakan bunyi muzikal yang terhasil daripada gabungan bunyi tinggi dan rendah dengan bunyi panjang dan pendek |
| melodi mendatar | aliran melodi yang tidak atau kurang melibatkan perubahan pic antara satu not ke satu not berikutnya |
| melodi bertangga | aliran melodi yang melibatkan perubahan pic yang berdekatan antara satu not dengan not berikutnya, sama ada melodi menaik atau menurun |
| metronom | alat mengukur detik mengikut tempo |
| muzik Malaysia | muzik yang diamalkan oleh masyarakat pelbagai kaum di Malaysia |
| muzik tradisional Malaysia | muzik yang beridentitikan masyarakat Melayu di Malaysia |
| perkusi | alat muzik yang dipalu, diketuk atau digoncang untuk menghasilkan bunyi |
| pic | bunyi tinggi rendah nada atau suara |
| skor lagu | notasi muzik yang menggambarkan gubahan muzik secara keseluruhan |
| tempo | kelajuan sesuatu karya muzik |

Dengan ini **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baik dan bertanggungjawab atas kehilangannya, serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

**Skim Pinjaman Buku Teks**

**Sekolah** ______________________________

| Tahun | Darjah | Nama Penerima | Tarikh Terima |
|---|---|---|---|
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |

Nombor Perolehan: ______________________

Tarikh Penerimaan: ______________________

**BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL**